



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
28 Ogos 2025



BH Khamis, 28 Ogos 2025

Nasional

9

Rang Undang-Undang Pekerja Gig 2025

Ahli Parlimen diharap ketepi perbezaan politik luluskan RUU

Langkah penting dalam usaha kerajaan bantu martabatkan kebajikan pekerja

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, yakin Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua hari ini, akan mendapat sokongan menyeluruh Ahli Parlimen tanpa mengira perbezaan politik.

Bellau berkata, majoriti pemegang taruh sektor gig sudah menyatakan persetujuan terhadap RUU itu yang disifatkan sebagai langkah penting memartabatkan kebajikan golongan pekerja terbahagi di negara ini.

"Saya percaya Ahli Parlimen, sama ada kerajaan mahupun pembangkang, semuanya mahu yang terbaik untuk rakyat."

"Saya percaya perkara ini memang baik dan memang dituntut kebanyakan pemegang taruh dalam sektor gig ini."

"Jadi saya berharap ahli-ahli Parlimen dapat ketepikan perbezaan politik dan bersama meluluskan RUU ini demi ke-



Steven menerima memorandum yang diserahkan Nathan di pintu masuk bangunan Parlimen, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

pentingan pekerja gig," katanya selepas menghadiri Podcast BH: Borak Harini, bertajuk *Kerja Gig: Tiada masa depan?* di Balai Berita, Bangsar di sini, semalam.

Mengulas mengenai pentakrifan pekerja gig, khususnya dalam sektor e-hailing dan p-hailing, Sim menjelaskan, perkara itu sudah diperincikan dengan jelas dalam RUU berkenaan.

Bellau berkata, definisi pekerja gig merangkumi warga negara Malaysia atau pemastautin tetap yang menjalankan kontrak perkhidmatan dengan entiti kom-
terkini, sama ada melalui platform atau tidak, serta menerima upah

hasil perkhidmatan berkenaan.

Menurut Sim, sekiranya perkhidmatan itu dilakukan melalui platform, pekerja berkenaan secara automatik dikira sebagai pekerja gig dan e-hailing dan p-hailing sememangnya termasuk dalam takrifan berkenaan.

"Bagi individu yang bekerja tanpa melalui platform, penentuan status pekerja gig akan di-
rujuk kepada Jadual 1 RUU berkenaan."

"Ia sekali gus menjelaskan dan memperincikan siapa yang dikategorikan sebagai pekerja gig, sama ada mereka beroperasi menggunakan platform atau tidak," katanya.

Terima memorandum

Terdahulu, Sim meluangkan masa untuk menerima memorandum daripada Persatuan Transformasi Pengangkutan Awam Darat (TPAD) di pintu masuk bangunan Parlimen di sini, semalam.

Memorandum diserahkan Presiden TPAD, M Nathan dengan kira-kira 150 ahli TPAD hadir pada perhimpunan itu bagi menyatakan sokongan pada RUU berkenaan.

RUU Pekerja Gig 2025 dibentangkan Sim untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, Isnin lalu.

RUU itu dijangka mewajib-

kan semua penyedia platform membuat potongan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) daripada setiap transaksi pendapatan seorang pekerja gig.

RUU itu juga antara lain bertujuan mengadakan peruntukan bagi terma dan syarat perlu dinyatakan dalam perjanjian perkhidmatan bagi maksud melindungi hak pekerja gig.

Mengulas lanjut, Sim berkata, RUU Pekerja Gig 2025 amat penting bagi mewujudkan satu mekanisme yang boleh melindungi dan membela nasib pekerja gig.

Justeru, katanya, walaupun pihak mana pun yang menjadi kerajaan selepas ini, kebajikan pekerja gig akan tetap terbelas berdasarkan peruntukan undang-undang.

"Tidak kira platform atau majikan, perlu mengikut undang-undang, termasuk pekerja gig. Itulah sebabnya kita memerlukan RUU ini," katanya.

Sementara itu, melalui memorandum diserahkan kepada Sim, TPAD antara lain meminta supaya harga lantai ditetapkan bagi industri e-hailing dan p-hailing.

Selain itu, mereka meminta pengagihan tugas dilakukan secara manual tanpa sebarang syarat termasuklah, dengan garis panduan yang jelas diletakkan di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan kajian semula ke atas Program Grab Service Fee (GSF) sebelum sebarang kelulusan diberikan.

Kelulusan tak beri kesan kenaikan caj perkhidmatan

Kuala Lumpur: Pakar ekonomi berpendapat Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 jika diluluskan 'kelak' tidak akan memberi kesan kepada kenaikan caj perkhidmatan.

Pengerusi Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Dr Nung-sari Ahmad Radhi, berkata ini kerana caruman yang dibuat kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan ditanggung sepenuhnya pekerja gig terbahagi dan ia tidak berkait dengan harga barangan atau caj penghantaran yang dikendalikan.

"Menurut RUU ini, pekerja gig akan mempunyai kontrak perkhidmatan dengan penyedia platform. Akta baharu ini akan memberi kuasa menentukan nilai kontrak berkenaan supaya ia tidak lebih rendah daripada gaji minimum statutori. Itu adalah perkara yang wajar."

"Adakah kita mahu biarkan kadar kontrak antara pekerja gig dan pemilik platform lebih rendah daripada gaji minima?" katanya kepada BH, semalam.

Isnin lalu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim membuat bacaan kali pertama di Dewan Rakyat.

RUU Pekerja Gig 2025 itu dijangka mewajibkan semua penyedia platform membuat potongan caruman PERKESO daripada setiap transaksi pendapatan seorang pekerja gig.

Berdasarkan naskhah biru, RUU itu antara lain bertujuan mengadakan peruntukan bagi terma dan syarat perlu dinyatakan dalam perjanjian perkhidmatan bagi maksud melindungi hak pekerja gig.

Selain itu, Nung-sari berkata, RUU terbahagi sangat diper-

lukan memandangkan konsep pekerjaan itu sudah berubah.

"Pekerja gig tidak dirangkumi sebagai pekerja yang mempunyai majikan dan daripada rangkuman undang-undang buruh. Mereka walau bagaimanapun perlu dilindungi seakan pekerja," katanya.

Tiada kos tambahan

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Prof Dr Ahmed Raz-

man Abdul Latiff, mempunyai pandangan sama bahawa tidak seharusnya caj perkhidmatan dinaikkan jika RUU berkenaan diluluskan.

"Saya lihat tidak (mening-
kat) kerana RUU ini tidak ada kos tambahan kepada majikan, mungkin ada kos pematuhan, tetapi kosnya tidak kritikal atau material dari segi magni-
tud kos berkenaan."

"Apa sahaja kos tambahan kepada majikan hanya akan berlaku jika pertikaian isu antara pekerja dan majikan. Jika semuanya berjalan seperti sedia kala, tidak akan peningkatan pada caj perkhidmatan."

"Memandangkan semua platform me-
kanismenya dilaksanakan secara atas talian, kita lihat kos

pematuhan yang mungkin akan dikenakan adalah minimum dan ia boleh diserap oleh majikan dan tidak dikenakan kepada pelanggan," katanya.

Ahmed Razman berkata, RUU itu adalah langkah untuk kerajaan melindungi hak pekerja gig bagi memastikan tiada pihak yang akan ambil kesempatan.

"RUU ini akan memastikan hak pekerja gig dilindungi dan juga perlu ada perjanjian, kontrak atau terma yang tidak berat sebelah antara pekerja gig dan majikan."

"Ia juga memastikan bahawa akan ada mekanisme formal atau pun yang boleh digunakan oleh pekerja gig bagi menyelesaikan sebarang pertikaian dengan majikan serta ada ruang untuk penambahbaikan ke atas sebarang isu berkaitan pekerja berkenaan," katanya.



Harian Metro | Khamis 28.08.2025

@hmetromy | #HarianMetro | www.hmetro.com.my 17

lokal



SIM (tengah) menerima memorandum daripada Presiden TPAD, Nathan Mathivanan (tiga dari kanan) di depan pintu masuk Parlimen. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

Bela kebajikan 1.2 juta pekerja gig

Oleh Zanariah
Abd Mutalib
zanariah_muta-
lib@bh.com.my

RUU Pekerja Gig 2025 dibentang untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini

Kuala Lumpur

Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 bagi memberi perlindungan dan mengiktiraf peranan pekerja sektor itu, akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, di sebalik tuntutan segelintir pihak supaya ditangguhkan, beliau komited untuk meneruskan pembentangan itu bagi memastikan kebajikan 1.2 juta pekerja gig di negara ini terbelak.

"Bukan mudah untuk sampai ke tahap ini, sudah bertahun kita tunggu. Ba-

gaimanapun, saya masih ada halangan kerana ada kawan-kawan yang mungkin salah faham atau apa agendanya dan ada juga yang minta supaya kita tangguhkan (bacaan kali kedua).

"Bolehkah kita tangguh? Saya tidak mahu tangguh, kerajaan sudah bersedia. Kita minta pihak yang salah faham atau mungkin menolak supaya jangan fikir perkara ini mengenai politik.

"Ini adalah mengenai kebajikan rakyat dan saya minta pekerja gig sekalian (menyokong). Saya tidak boleh lakukan ini tanpa anda semua," katanya.

Beliau berkata demikian

selepas menerima memorandum daripada Persatuan Transformasi Pengangkutan Awam Darat (TPAD) daripada Presiden TPAD M Nathan di pintu masuk bangunan Parlimen di sini, semalam.

Kira-kira 150 ahli TPAD hadir pada perhimpunan itu bagi menyatakan sokongan pada RUU berkenaan.

RUU Pekerja Gig 2025 dibentangkan Sim untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, Isnin lalu.

RUU itu dijangka mewujudkan semua penyedia platform membuat potongan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) daripada setiap transaksi

pendapatan seorang pekerja gig.

RUU itu juga, antara lain bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi terma dan syarat perlu dinyatakan dalam perjanjian perkhidmatan bagi maksud melindungi hak pekerja gig.

Mengulas lanjut, Sim berkata, RUU Pekerja Gig 2025 penting bagi mewujudkan satu mekanisme yang boleh melindungi dan membela nasib semua pekerja gig.

Justeru katanya, walaupun pihak mana pun yang menjadi kerajaan, kebajikan pekerja gig akan tetap terbelak berdasarkan peruntukan undang-undang.

Penghantar gesa pembentangan RUU ditangguhkan

Kuala Lumpur: Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (Penghantar) menggesa pembentangan Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025 ditangguhkan bagi memberi ruang kepada penelitian dan penambahbaikan.

Presidennya, Zulhelmi Mansor berkata, pihaknya tidak menentang RUU itu, namun berpandangan ia perlu penambahbaikan agar menjamin kebajikan dan masa depan penggiat industri gig di Malaysia.

Menurutnya, kadar upah yang menjadi tunjang perjuangan pihaknya masih kabur dan tidak dinyatakan secara telus dalam RUU berkenaan.

"Walaupun hak asas pekerja gig dinyatakan dalam Seksyen 8 hingga 10 (RUU berkenaan) seperti hak dimaklumkan kadar pendapatan, tidak boleh ditamatkan tanpa sebab munasabah dan hak menyertai persatuan gig, ia masih longgar.

"Frasa 'sebab munasabah' untuk penamatan kontrak dibiarkan terbuka dan kuasa tafsiran masih berat sebelah kepada syarikat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, selain itu, pihaknya mendapati aspek pembayaran pendapatan dan perlindungan kewangan pekerja gig di bawah Seksyen 11 hingga 15 juga bermasalah.

Katanya, tempoh tujuh hari untuk pembayaran pendapatan terlalu lama buat pekerja yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan harian.

"Lebih parah, potongan pendapatan boleh berlaku dengan alasan 'kesilapan syarikat' yang sangat mudah dimanipulasi.

"Malah, Seksyen 14 yang

"Kadar upah yang menjadi tunjang perjuangan pihaknya masih kabur dan tidak dinyatakan secara telus dalam RUU berkenaan"

Zulhelmi Mansor

membenarkan penyedia platform menutup akaun pekerja gig sehingga 14 hari untuk siasatan tanpa bayaran adalah tidak patut, menyebabkan pekerja hilang sumber pendapatan serta-merta walaupun belum dibuktikan bersalah.

"Di sini jelas sebelum dan selepas RUU ini, tiada perbezaan kerana saat ini juga situasi sama dihadapi," katanya.

Justeru, Penghantar mencadangkan siasatan harus dilakukan dalam tempoh 24 jam atau syarikat perlu membayar gaji minimum harian sepanjang tempoh siasatan bagi memastikan penyedia platform menjalankan siasatan pantas dan tidak bersikap sambil lewa.

Menurutnya, pihaknya juga tidak dibabitkan sejak awal pembangunan dasar dan tidak diberikan penjelasan terperinci.

Katanya, penubuhan Majlis Perundingan dan Tribunal di bawah RUU itu dikuatir menafikan peranan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM).

"Majlis Perundingan yang ditubuhkan untuk menentukan kadar pendapatan minimum dan standard kerja mengikut Seksyen 46 hingga 68, masih lemah kerana kuasa sebenar masih di tangan menteri," katanya.

'Jangan sesekali takutkan komuniti gig'

Kenyataan RUU Pekerja Gig 2025 akan jadi kubur adalah tidak berasas, mengelirukan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

PEKERJA GIG BERHAK TENTU KADAR UPAH



Muka depan Sinar Harian pada Isnin.

Kenyataan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 sebagai tergesa-gesa dan menjadi kubur pekerja gig bukan sahaja tidak berasas, malah mengelirukan serta mengkhianati perjuangan sebenar komuniti gig.

Ketua aktivis Gabungan eHailing Malaysia (GEM),

Jose Rizal berkata, RUU itu bukan disediakan dalam satu hari satu malam, sebaliknya proses tersebut melibatkan 37 sesi libat urus yang dijalankan sepanjang hampir setahun.

Menurutnya, ia juga melibatkan 3,873 peserta dari seluruh negara dan 475 maklum balas rasmi dikumpul yang jelas bukti keterbukaan kerajaan.

"Jika selepas semua proses ini masih ada pihak mendakwa RUU ini tergesa-gesa, maka hanya dua kemungkinan sama ada mereka tidak



JOSE RIZAL

hadir atau sengaja menutup mata demi kepentingan lain.

"Siapa yang tidak terima RUU ini hakikatnya menolak perlindungan sosial untuk rakan-rakan kita yang setiap hari mempertaruhkan nyawa di jalan.

"Mereka juga sanggup membiarkan syarikat platform terus bermaharajalela tanpa kawalan dan meng-

khianati perit jerih, keringat serta suara pekerja gig yang menuntut keadilan," katanya kepada Sinar Harian.

Sebelum ini, enam persatuan yang mewakili pekerja e-hailing dan p-hailing mendakwa RUU Pekerja Gig 2025 adalah perundangan tergesa-gesa yang jika diluluskan akan menjadi kubur kedua-dua kumpulan itu.

Tambah Jose Rizal, pihaknya ingin mengingatkan supaya jangan sesekali cuba menakut-nakutkan komuniti gig dengan retorik murahan.

Bacaan kedua RUU Pekerja Gig 2025 dibentang hari ini

KUALA LUMPUR - Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang bertujuan memberi perlindungan serta mengiktiraf peranan pekerja sektor berkenaan akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini, kata Menteri Sumber Manusia, Steven Sim.

Steven berkata, walaupun terdapat desakan segelintir pihak supaya pembentangan itu ditangguhkan, kerajaan tetap komited meneruskannya demi memastikan kebajikan kira-kira 1.2 juta pekerja gig di negara ini terbelas.

"Bukan mudah untuk sampai ke tahap ini, sudah bertahun kita menunggu. Saya tidak mahu menangguhkan kerana kerajaan sudah bersedia.

"Ini bukan isu politik, tetapi mengenai kebajikan rakyat dan saya mohon pekerja gig menyokong," katanya selepas menerima memorandum daripada Persatuan Transformasi Pengangkutan Awam Darat (TPAD) di bangunan Parlimen pada Rabu.

Memorandum itu diserahkan Presiden TPAD, M Nathan dengan penyertaan kira-kira 150 ahli persatuan yang berhimpun bagi menyatakan sokongan terhadap RUU itu yang telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, Isnin lalu.

RUU Pekerja Gig 2025 dijangka mewujudkan platform membuat potongan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) daripada setiap transaksi pendapatan pekerja gig, selain menetapkan terma dan syarat jelas dalam perjanjian perkhidmatan bagi melindungi hak pekerja.

- Bernama

NASIONAL 15

KHAMIS 28 OGOS 2025 • SINAR HARIAN